



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR
Ministry of Environment



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

KEBAKARAN KAWASAN TANAH GAMBUT DI MUKIM AYER HITAM MUAR, JOHOR TELAH PADAM SEPENUHNYA

22 MAC 2020, MUAR, JOHOR – Kejadian kebakaran kawasan tanah gambut telah berlaku di dua kawasan di dalam Mukim Ayer Hitam Muar pada 19 Mac 2020 iaitu di Parit Juno dan Parit Jawa dengan anggaran keluasan kawasan yang terbakar masing – masing adalah seluas 10 ekar dan 4 ekar telah berjaya dipadamkan dan tiada lagi asap atau bara di kedua – dua kawasan berkenaan.

Mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 29(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor mendapati kawasan yang terbakar adalah kawasan belukar yang masih belum digunakan untuk tujuan pertanian. Pihak JAS masih menjalankan siasatan bagi mengenalpasti pemilik tanah yang terlibat dengan bantuan daripada Pejabat Tanah Muar bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil.

Pemantauan lanjut kualiti udara oleh JAS melalui stesen pemantauan kualiti udara terdekat iaitu stesen Batu Pahat dengan jarak 20 kilometer daripada lokasi kebakaran menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di tahap Baik (IPU 34).

Semua pihak terus diingatkan agar TIDAK MELAKUKAN PEMBAKARAN TERBUKA atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Encik Mohd Famey Bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
Emel: famey@doe.gov.my

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya
Emel: sharudin@doe.gov.my

Dikeluarkan pada 22 Mac 2020, 4 Petang.

Gambar-gambar pada 19 Mac 2020



Kawasan-kawasan yang terjejas



Operasi pemadaman oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)



Asap yang masih kelihatan pada 19 Mac 2020 kemudiannya berjaya dipadamkan